



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 18 JULAI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KAWAL KARTEL PETANI, NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -29	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BENTENG BUKAN ATAS TANAH PERSENDIRIAN - PEKEBUN, DALAM NEGERI, UM -33	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	BENARKAN LEBIH BANYAK PIHAK IMPORT DAGING, MUKA DEPAN, UM - 1 & 2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	HARGAI PENYU MALAYSIA SEBELUM DIIKTIRAF PUPUS, NASIONAL, SH -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	11,129 PENYU MENDARAT TAHUN LALU, NASIONAL, SH -13	
6.	SISIK KARAPAS PENYU JADI BURUAN ORANG LAUT, NASIONAL, SH -14	
7.	PERLUAS UNDANG-UNDANG KONSERVASI PENYU, GUNA MEDIA MASA, NASIONAL, SH -14	
8.	CADANGAN BELI TELUR PENYU DARI LUAR NEGARA TAK BERBALOI, BERISIKO, NASIONAL 14	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kawal kartel petani, nelayan

PETALING JAYA: Kerajaan perlu memainkan peranan penting untuk mengawal orang tengah di antara petani, nelayan dan juga perniagaan yang melibatkan logistik supaya harga barang tidak naik mendadak dan dapat dikawal dengan berkesan.

Menurut Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Seri Dr. Jacob George, harga barangan makanan seperti sayur, ayam, dan ikan dapat dikawal jika kerajaan mengambil berat mengenai kewujudan pertarata yang hanya tahu mengaut keuntungan atas angin.

“Kewujudan orang tengah ini tidak memberi hasil kepada ekonomi dan pendapatan negara malah dengan adanya kelompok itu, akan terjadinya peningkatan harga ikan, sayur dan ayam secara tak langsung. “Kenapa kerajaan tak ambil tindakan terhadap mereka ini? Adakah mereka ini individu yang ada kepentingan kepada kerajaan atau bagaimana? Ambilah tindakan kepada mereka

supaya kita dapat menjaga harga dan sekuriti makanan di negara ini,” katanya ketika dihubungi.

Semalam Utusan Malaysia menerusi ruangan *Minda Penggarang* menjelaskan tiga perkara menyebabkan harga barang meningkat. Pertama kejatuhan ringgit, kedua pelaksanaan gaji minimum RM1,500 tahun ini berbanding RM1,200 hingga wujud kenaikan 15 peratus dalam keseluruhan rantai industri daripada pengilang, logistik sehingga penjual.

Ketiga, akta yang mewajibkan pembayaran kerja lebih masa sehingga mereka bergaji RM4,000 ke bawah menyebabkan kebanyakannya syarikat terutama yang beroperasi 365 hari akan mendapat kos operasi tambahan sebanyak 15 peratus. Sementara itu, menurut George, inflasi boleh diselesaikan jika masalah pokok seperti kewujudan agensi kerajaan yang bekerjasama rapat dengan nelayan, petani dan logistik membantu kerajaan dan pengguna dalam menyel-

saikan masalah kenaikan harga barang.

“Agensi kerajaan yang berkaitan ditubuhkan untuk menjaga pengguna dan juga sekuriti makanan serta hasil pendapatan nelayan, peternak dan petani.

“Rancangan yang dibincangkan sebelum agensi kerajaan ditubuhkan menjaga sekuriti makanan telah gagal memainkan peranan mereka. Oleh itu, mereka perlu ubah semua agensi dan tukarkan kepada orang baharu supaya ada perubahan,” katanya.

Beliau berkata, tidak boleh nafikan yang Malaysia sedang mengalami kejatuhan ringgit mengakibatkan barang masakan yang diimport naik sehingga 10 peratus.

“Tapi masih ada rakyat yang minta subsidi diteruskan walaupun negara kita mengalami pelbagai masalah seperti ekonomi dan kewangan. Kerajaan tak keja sebagai pusat kebijakan. Mereka buat keuntungan daripada pembiagaan yang dijalankan,” ujarnya.

18/7/2023 UTUSAN MALAYSIA DALAM NEGERI 33

Benteng bukan atas tanah persendirian - Peleburun

Oleh ADNAN IBRAHIM

utusannews@mediamulia.com.my

BATU PAHAT: Benteng kira empat kilometer di Tanjung Labuh yang berfungsi menghalang kemaskuhan air masin ke dalam kawasan kebun petani di Kampung Kelicap dan Sungai Suluh, di sini tidak dibina di atas tanah persendirian. Para pekebun mendakwa, batu sempadan terlerak kira-kira 12 meter dari benteng dan jauh dari kebun yang diusahakan mereka.

Seorang pekebun, Mazlan Ithnin, 55, berkata, dia terkejut dengan kenyataan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Batu Pahat bahawa benteng penghalang air masin di kebun mereka dibina atas tanah persendirian sehingga menyebabkan kesukaran mendapatkan peruntukan. JPS

Katanya, perancangan untuk membaikinya benteng yang pecah menggunakan pokok pecah dan geotekstil amat sesuai dan berharap dapat dibina secara keseluruhan sepanjang empat kilometer, bukannya di kawasan tertentu sahaja.

"Jika dibina di kawasan yang pecah sahaja, dibimbangi berlaku runtuh di tempat lain dan menyebabkan masalah ke-



KHALID Kader (kiri) dan Mazlan Ithnin (dua dari kiri) serta beberapa petani menunjukkan batu sempadan yang terletak kira-kira 12 meter dari benteng penghalang air masin dibina JPS Batu Pahat di Johor.

"Penduduk sangat merindui zaman sebelum masalah kemaskuan air masin berlaku. Ketika itu petani boleh terima um lebar apabila mampu meraih pendapatan agak lumayan setiap bulan, namun kini hanya liang air mata selepas melihat satu persatu tanaman mati serta tidak menghasilkan buah," katanya.

bantu mengatasi masalah yang dihadapi agar kegemilangan penghasilan buah kelapa di kawasan ini dikembalikan seperti sebelum 2018.

Khalid Kader, 65, pula berkata, kira-kira 80 pekebun di dua kampung tersebut berharap beraslah berkenaan diatas segera kerana menjasakan hasil pertanian mereka.

masukan air masin ke dalam kebun tidak selesai.

"Biarlah kerja penbaikan ini dilakukan hanya sekali. Jika berulang kali tidak mampu selesaikan secara total masalah sejak enam tahun lalu ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Para pekebun di dua kampung tersebut sangat berharap ada pihak yang dapat mem-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
18/7/2023	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Ada pihak didakwa kenakan pelbagai sekatan untuk kekal monopoli

Benarkan lebih banyak pihak import daging

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan harus membuka pasaran daging import supaya memberi lebih pilihan kepada pengguna selain mengelak pengantungan bekalan daripada satu negara sahaja.

Langkah itu selain dapat men-

stabil dan menjamin bekalan bertenas, juga dapat mewujudkan persaingan yang sihat dari segi harga daging import.

Antara negara yang dikatakan mampu membekalkan daging halal ke Malaysia secara konsisten adalah Pakistan. Ini dibuktikan dengan nilai eksport kiranya AS\$250 juta ke lapan negara termasuk enam negara dalam

Mailis Kerjasama Teluk (GCC), Vietnam dan Afghanistan.

Namun, usaha mereka merokar pasaran negara ini gagal ekoran ada pihak dalam kerajaan yang didakwa berkomplot dengan Pengeksport dari sebuah negara pembekal lembu di Asia untuk memonopoli rantai import ternakan tersebut ke negara ini.

Pihak terbabit juga didakwa berperakat dengan pemain industri import lembu tempatan untuk mengawal sektor makanan negara itu yang sekali-gus menutup peluang dagangan Malaysia dengan pembekal lembu negara lain khususnya negara Islam seperti Pakistan.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Benarkan lebih banyak pihak import daging

Dari muka 1

Sumber industri yang ditemui *Utusan Malaysia* mendakwa, pihak tersebut didakwa membuat gangguan dengan mengenakan sekatan serta halangan tidak masuk akal kepada syarikat-syarikat Pakistan yang bermula mengeksport lembu ke Malaysia.

Kata sumber, Pakistan turut mempunyai stok ruminan yang mencukupi untuk dieksport ke negara ini, namun pengeksport dari negara Islam itu sentiasa dikenaan halangan seperti sekatan terhadap jenis dan bahagian lembu yang dibenarkan untuk dieksport.

“Dalam soal keselamatan makanan, lembu dan bekalan daging kebanyakannya diimpor dari sebuah negara Asia, sedangkan Pakistan juga ada bekalan ruminan dan ia negara Islam. Tiada pun Malaysia import lembu dari Pakistan. Ini memang betul berlaku.

“Sebab, pemain industri impor lembu dari negara Asia itu, mereka sangat kuat birokrasinya termasuk dengan pihak kerajaan Malaysia. Ada kartel dalam kerajaan yang mana memang sangat susah (dipecahkan dominasinya). Inilah maklumat yang disampaikan oleh beberapa syarikat pengeksport lembu dari Pakistan kepada kami,” kata sumber di sini, semalam.

Menurut Dewan Permaian Pakistan (PBC), jumlah lembu bagi tujuan pembekalan dalam kalangan negara ini,

Pakistan merangkumi 0.44 peratus daripada seluruh pasaran global. “Kira-kira 80 peratus daripada eksport Pakistan pada 2019 adalah daripada rangka lembu sejuk dan sejumlah 91.6 peratus adalah dalam kategori sejuk yang termasuk rangka, daging lembu dalam tulang-tulangbelang,” kata PBC lagi.

Mengulas perkara itu, sumber berkata, beberapa syarikat Pakistan yang cuba mengeksport lembu bagi ibadah korban ke Malaysia, sering menghadapi sekatan dan halangan daripada agensi yang terlibat menyelia sektor import-eksport ternakan tersebut.

“Mereka (syarikat pengeksport lembu Pakistan) sudah cuba nemecahkan dominasi pemain industri dari sebuah negara pembekalan di Asia dalam sektor bekalan lembu ke Malaysia tapi banyak sangat sekatakan. “Pihak yang mengawal selia urusan import-eksport kata tak boleh bawa masuk daging pejal (*the whole meat*), cuma bahagian (tertentu) seperti tulang dan rusuk lembu saja yang boleh (diimpor). Tapi untuk lembu yang dibimpor dari negara pembekalan di Asia itu, tiada sekatan pula,” dakwa sumber.

Utusan Malaysia turut menyiasat kegiatan pihak yang mengawal import lembu dari negara pembekalan Asia itu dengan satu sumber tempatan lain yang terlibat membekalkan lembu bagi tujuan korban dalam negara ini.

Sumber tersebut mengecualikan tewujudan pihak yang didakwa memonopoli import dan bekalan lembu ke negara ini termasuk mengawal stok lembu untuk ibadah korban.

Kata sumber, perkara ini disahkan apabila syarikatnya pemahibat urus dengan seorang pengimport yang membawa masuk bekalan sumber protein itu dari negara pembekal tersebut.

“Kami terlibat dalam pembekalan lembu bagi ibadah korban. Apa yang berlaku, sebelum ini kami mahu menyelaikan isiu bekalan lembu bagi tujuan korban agar pembekal stok itu dalam kalangan Muslim.”

“Jadi, kami uruskan soal sistem korban. Maksudnya, kita mahu sumber itu halal dan itu haruslah bermula daripada bekalan. Tak ranai yang faham pada waktu itu, jadi ada satu entiti kerajaan bawa kami jumpa kepada seorang pembekal lembu tempatan.

“Dia memang beritahu temerung waktu itu, sebab dia sangka entiti kami mahu kacau pasaran (import lembu)

yang dia kuasai. Dia kata, antara perkataan yang menjentik

kami ialah, ‘kalau (syarikat)

kami tak bawa masuk lembu,

ibadah korban akan terganggu,

tahu tak.’

“Tu kata pengimport itu kepada kami yang memang menjentik jiwa kami sebagai entiti muslim yang terlibat membekalkan lembu untuk ibadah korban akan terganggu,

“itu kata pembekalan

tempatan

menjadi

ibadah korban akan terganggu,

Penulis diberi peluang melihat habitat berkenaan dengan berkunjung ke Chagar Hutang Pulau Perhentian, Terengganu



Oleh NILAM NUR
ATIKAH OSHMAN
KUALA TERENGGANU

Mengetahui populasi tiga daripada empat spesis penyu di Malaysia semakin menghilang, penulis diberi peluang untuk melihat habitat berkenaan dengan berkunjung ke Chagar Hutang, Pulau Perhentian, Terengganu.

Ekspedisi ini diketuai oleh Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Madya Dr Mohd Uzair Rusli bagi membawa *Sinar Harian* menuju kawasan mendarat dan bertelur haiwan marin berkenaan.

Jelajah ini dilakukan pada 22 dan 23 Jun lalu, perjalanan bermula dari Jeti Merang dengan menaiki bot ke Chagar Hutang mengambil masa kira-kira 45 minit.

Ketika sampai ke destinasi pada jam 12.45 tengah hari, penulis dapat melihat pesisiran pantai dipenuhi dengan pemandu kayu menunjukkan sarang telur penyu yang dikumpul satu tempat dipanggil *hatchery*.

Ia dipindahkan disebabkan beberapa faktor antaranya terdedah kepada ancaman pemangsa atau terlalu dekat dengan akar pokok.


Selepas makan tengah hari, penulis dibawa melawat sekitar kawasan seatr berkenaan. Bak pepatah, sambil menyelamat minum air, ketika juru foto *Sinar Harian* merakam suasana di pantai itu menggunakn dron.

Kita dapat merekodkan aksi dua ekor penyu jantan sedang berebut untuk mengejek dengan seekor betina di permukaan.

Hargai penyu Malaysia sebelum diiktiraf pupus



Wartawan *Sinar Harian* (tengah) sedang melakukan aktiviti menggali sarang bagi memeriksa telur penyu.



Sebahagian telur yang busuk dan terdapat seekor anak penyu mati selepas digali bagi memeriksa keadaan selepas mencapai tempoh penggeraman.

kaan laut berhampiran pantai Chagar Hutang.

Meskipun hanya berada di sana selama dua hari, namun aktiviti yang disediakan setru sememangnya padat dan menyeronokkan.

Seterusnya, pada jam 6.50 petang, lebih kurang 40 ekor anak penyu dilepaskan oleh sukarelawan tetapi amaranca semula jadi daripada haiwan pemangsa iaitu jerung tidak dapat dilakukan.

la seolah-olah pesta makanan kerana sejurus sahaja anak penyu berenang masuk ke dalam laut, ia terus menerang. Walaupun tidak dapat melihat dengan

LAPORAN KHAS

jelas disebabkan gelap namun kami dapat mendengar bunyi percikan dan libasan air yang kuat.

Kemudian, aktiviti pada jam 8.30 malam boleh dikatakan paling mencabar kerana penyu akan mula naik ke darat pada waktu malam hingga jam 7 pagi kesokan harinya untuk bertelur.

ia dibuktikan apabila sekurang-kurangnya 10 ekor yang mendarat sehingga jam 12.30 tengah malam.

Seramai 12 sukarelawan bersama empat pelatih UMT telah bersiap sedia melakukan rondaan bagi memantau dan

mengawasi haiwan marin tersebut terutama bagi mengelak ia mengganggu sarang yang lain.

Pada waktu ini, penulis bersama amat teruja kerana buat pertama kali dapat melihat dan menyentuh sendiri penyu termasuk menunggu proses menggali sarang yang mengambil masa lebih kurang 45 minit dan 20 hingga 30 minit untuk bertelur.

Makan masa yang lama, tetapi berbaloi kerana kita juga dapat merasai pengalaman memegang dan memindahkan telur ketika ibu penyu masih lagi sedang melakukan aktiviti itu.

Penulis juga dimaklumkan ketika itu supaya tidak menyentuh ekor, bising dan menyulut lampu di mata penyu kerana ia merupakan haiwan yang sensitif terutama kepada bunyi dan cahaya, perkara itu boleh membuatkan ia merajuk, tidak mahu bertelur dan kembali ke pantai.

Bagaimanapun, kita masih boleh menggunakan lampu tetapi berwarna merah dan buka ketika perlu sahaja.

Yang paling mengagumkan adalah saiz penyu itu, seakan-akan gergasi kerana lebih besar daripada penulis, ia boleh mencapai panjang hingga 150 cm dan berat antara 110 hingga 270 kilogram.

Bagi kesokan hari, bermula jam 8.30 pagi hingga 11 pagi, penulis menggali sarang yang sudah cukup usia pengermannya bagi memeriksa sama ada telur itu menetas atau sebaliknya.

Ini kerana terdapat telur yang tidak menjadi, busuk dan anak penyu yang mati dan perlu dikeluarkan segera agar tidak mengganggu proses penggeraman yang lain.

Bagi penulis, pengalaman yang menakjubkan tetapi dalam masa sama agak sedikit terkilan kerana tidak dapat lagi melihat tiga spesis lain iaitu penyu belimbing, karah dan lipas di Terengganu.



Seorang sukarelawan menjumpai seekor anak penyu albino ketika proses menggali tetapi tidak berjaya untuk hidup kerana jangkitan kulat.

Wartawan *Sinar Harian* sedang menemubual penyelidik dari Universiti Sheffield United Kingdom, Dr Suyin Chalmers-Pui di Seatr.

Jumlah itu diukur berdasarkan pendaratan direkodkan di tujuh negeri, Terengganu paling tinggi

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SHAH ALAM

11,129 penyu mendarat tahun lalu

Populasi penyu di Malaysia pada tahun lalu direkodkan sebanyak 11,129 ekor.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Datuk Adnan Hussain berkata, jumlah ini diukur berdasarkan pendaratan yang direkodkan di tujuh negeri iaitu Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Perak, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Menurutnya, Terengganu mencatatkan jumlah pendaratan paling tinggi, iaitu 9,632, diikuti Melaka (969), Pahang (368), Perak (61) dan Pulau Pinang (54).

"Selebihnya Negeri Sembilan (22), Wilayah Persekutuan Labuan (19) dan Jörör (4).

"Selain itu pada tahun lalu juga, Jabatan Perikanan turut merekodkan jumlah pengeraman iaitu 977,905 dan jumlah penetasan 681,077," katanya. Kepada *Sinar Harian*.

Adnan berkata, pihaknya yakin tahap kesedaran nelayan tempatan mengenai penyu

nggeraman dan pelepasan berterusan serta pengakuasaan. "Kita meneruskan program pengurusan penyu seperti menanam telur penyu, pelepasan anak penyu, mengadakan pemantauan di pantai, pembelian telur penyu dari pemajak, program kesedaran awam kepada semua masyarakat, menjalinkan hubungan rakan strategik bersama pihak universiti, swasta dan

eksoitik, itu kemungkinan dilakukan oleh nelayan asing yang menceroboh perairan negara.

"Namun terdapat ancaman lain yang mengundang kepupusan penyu seperti hakisan pantai, dijadikan sebagai tangkapan sampingan serta ancaman pemangsa," ujarnya. Dalam usaha menangani kepupusan penyu, DOF telah mengambil beberapa langkah antaranya zon pantai untuk aktiviti pemuliharaan, mengenal pasti dan menjaga pantai perderatan, pengutipan, pe-

badan bukan kerajaan (NGO) dalam kempen pemuliharaan penyu.

"Jabatan turut menguatkuasa undang-undang di bawah Seksyen 27 Akta Perikanan 1985 iaitu tiada seorang pun boleh memancing, mengganggu, mengusik, menangkap atau mengambil penyu selain enakmen dan peraturan-peraturan di bawah kerajaan negeri," jelasnya.



Laporan *Sinar Harian* pada Isnin.



ADNAN

Sisik karapas penyu jadi buruan orang laut

Spesies penyu karah dibunuh untuk dijual sebagai barang perhiasan

Oleh NILAM NUR ATIKAH OSHMAN
SHAH ALAM

Kelompok kaum yang tinggal di kawasan laut dekat perairan Sabah dipercayai membunuh penyu terutama spesies karah bagi mendapatkan sisik karapas atau tempurung belakang untuk dijual sebagai barang perhiasan bernilai sehingga ratusan ringgit.

Pakar penyu dari Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Madya Dr Juanita Joseph mendakwa, perbuatan tersebut berlaku sejak lama dan turut mengancam populasi spesies lain termasuk agar.

Menurutnya, sisik karapas dijadikan barang perhiasan dalam bentuk cincin, sikat, pencukur rambu, bingkai kaca mata dan lain-lain.

"Ini menyebabkan penyu karah di ambang kepupusan. Perkara ini diketahui pertumbuhan antarabangsa yang lain, namun jarang mendapat bukti."

"Sebenarnya apa saja yang boleh dimakan dan dijual, mereka akan eksloitasi termasuk



Antara penyu karah yang terselamat selepas sisik karapas diambil.

LAPORAN KHAS

laut apabila pihak berkuasa menahan bot mereka," katanya.

Ujar Juanita, status konservasi penyu karah dalam senarai merah oleh Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN) sebagai amat terancam apabila merekodkan 80 peratus populasi haiwan laut itu di dunia telah hilang.

"Semua hasil akan dijual kepada orang tengah sama ada orang tempatan atau Filipina dan juga nelayan asing dari Hainan, China dan Vietnam," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujar beliau, pihaknya pernah menemui penyu karah mati dengan tali cerut di leher dalam keadaan sisik karapas telah diambil manakala badan haiwan itu ditjinggalkan kerana dagingnya beracun.

"Kita juga terjumpa plastik yang mempunyai sisik penyu karah ini terdampar di Pulau Pom Pom, Semporna, apabila diperiksa dan disusuri sisik tersebut, didapati ia adalah dari seekor penyu karah juvenil.

"Kemungkinan ia dibuang ke

kerang-kerangan, timun laut, ikan lumba-lumba dan sebagainya.

Ujar Juanita, status konservasi penyu karah dalam senarai merah oleh Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN) sebagai amat terancam apabila merekodkan 80 peratus populasi haiwan laut itu di dunia telah hilang.

"Di Malaysia tinggal kurang 1,000 sarang setahun dengan Melaka dan Sabah kawasan utama untuk bertelur. Kawasan lain penyu karah bertelur adalah seperti di Terengganu dan Johor tetapi sarang adalah sangat rendah iaitu kurang 50 sarang setahun.

"Maka perlu diingat, 1,000 sarang bukan 1,000 ekor haiwan laut itu bertelur, purata lima kali dalam satu musim. Jadi, sebenarnya kita ada lebih kurang 200 ekor penyu sahaja," jelasnya.

Perluas undang-undang konservasi penyu, guna media masa

KUALA TERENGGANU -

Kerajaan terutama Jabatan Perikanan Malaysia disarankan untuk memperluaskan dimensi penguatkuasaan undang-undang konservasi penyu termasuk mendidik masyarakat menerusi media massa bagi menyelamatkan populasi penyu di Malaysia.

Usaha itu bagi menangani beberapa faktor seperti kejaman manusia dan pencemaran hingga menyebabkan haiwan itu kehilangan habitat.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Madya Dr Mohd Uzair Rusli berkata, melalui langkah itu, peluang untuk pemuliharaan haiwan marin itu akan menjadi lebih besar.

Jelasnya, penguatkuasaan undang-undang itu tidak boleh hanya bergantung kepada hukuman semata-mata kerana akan dilihat terbatas dan lemah.

"Dalam keadaan sekarang,

jabatan terlibat mengalami ketertibanan mobiliti termasuk kewangan unit penguatkuasaan, Justeru, untuk memberi kesedaran bukan sekadar menjatuhkan hukuman, tetapi perlu dilihat daripada aspek mendidik masyarakat juga.

"Jika berpegang dengan konsep ini, kita akan mampu menggembung lebih banyak pihak dalam menguatkuasaan undang-undang," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Mohd Uzair, jika dilaksanakan dimensi itu, bukan hanya pihak berkuasa seperti jabatan perikanan akan menggunakan kuasa mereka untuk mengambil tindakan secara langsung.

Tetapi, ujarnya, pihak lain juga dapat menguatkan lagi penguatkuasaan dengan mengambil peranan sebagai pendidik termasuk media masa.

"Sekarang kita perlu giat kerjasama antara semua pemangku taruh untuk memain dan mengangkat fungsi undang-undang untuk mendidik pula," tambahnya.



Sebahagian anak penyu yang akan dilepaskan.

Cadangan beli telur penyu dari luar negara tak berbaloi, berisiko

KUALA TERENGGANU - Cadangan pembelian telur penyu terutama spesies belimbing dari negara luar untuk pembiakan di negara ini dianggap berisiko dan tidak berbaloi.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Madya Dr Mohd Uzair Rusli berkata, cara tersebut tidak menjamin keberkesaan menyelamatkan haiwan marin itu daripada "hilang" di perairan negara kerana akan melibatkan kos yang tinggi.

"Semua spesies penyu mempunyai memori minda terutama di mana tempat ia menetas. Kita percaya ia membina pemahaman berkaitan pengesanan kawasan dari dalam sarang lagi."

"Contohnya jika kita beli telur penyu belimbing dari negara luar seperti Indonesia, Papua New Guinea, dan India

dan bawa ke Malaysia, ia tetap akan dilepaskan selepas menetas dan bergerak ke seluruh dunia."

"Kemudian selepas 20 tahun sekualitinya matang, ia akan kembali ke tempat asal iaitu bukan Malaysia. Itu yang dipanggil sains asas," katanya.

Ujar beliau, disebabkan tempoh kematangan penyu mengambil masa yang lama, maka lebih peruntukan sedia ada digunakan untuk menyelamatkan spesies yang masih ada di negara ini berbanding membeli telur penyu dari luar negara.

Menurutnya, penyu belimbing masih lagi boleh diemui di perairan Terengganu, namun haiwan tersebut tidak kembali mendarat ke pantai untuk bertelur kerana

bilangannya tidak mencukupi bagi menjalani fungsi ekologi.

"Justeru kami beranggapan ia pupus secara fungsi. Penyu karah dan lipas memang tradisi populasi kedua-duanya amat kecil di Terengganu, namun di pantai barat semenanjung seperti Melaka masih lagi banyak."

"Keaduan ini membangunkan kerana dalam setahun maksimum tiga ekor sahaja bertelur. Jadi, hargaiah selagi ia masih ada," katanya.

Mohd Uzair menggesa Jabatan Perikanan mempertingkatkan teknologi bot bagi memudahkan semua pihak menjalankan kajian marin termasuk penyelamatan haiwan laut.

Katanya, data berkaitan penyu juga mencetus permasalahan daripada segi

komunikasi antara jabatan dan pihak pelancongan.

"Data diuruskan melalui sektor di mana masing-masing mengendalikan perkara itu sendiri, sekali gus menyebabkan ia menjadi tidak sistematis dan menyukarkan pihak

"Contohnya jika kami memerlukan jumlah dan bilangan haiwan laut, kami perlu menggunakan sistem manual seperti WhatsApp untuk bertanya kepada mereka dan ia memakan masa lama dan kemungkinan tidak tepat."

"Bukankah lebih bagus mempunyai satu sistem dan diuruskan satu pihak, dengan itu segala maklumat akan lebih teratur dan mudah dikemasuki," ujarnya.

Beliau turut meminta Jabatan Perikanan menambah baik sistem aplikasi Penyu E-Mas yang setakat ini hanya menerima laporan kedampanan.



MOHD UZAIR